Choong Loke Kian dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN JENAYAH NO 42–73 TAHUN 2011 DAN 42–74 TAHUN 2011
ZAMANI A RAHIM H
3 FEBRUARI 2012

B

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Sama ada pertuduhan bertepatan dengan prinsip undang-undang — Sama ada terdapat 'miscarriage of justice' — Sama ada hakim bicara mempertimbangkan keterangan dan pembelaan perayu-perayu dengan sewajarnya — Sama ada kes pendakwaan dipatahkan — Sama ada hukuman berlebihan

C

D

Pada awalnya Choong Loke Kiang ('perayu pertama') dan Yeoh Teik Meng ('perayu kedua') telah dituduh dan dibicarakan secara bersekali bersama-sama tiga orang tertuduh yang lain dengan kesalahan di bawah s 14 Akta Anti pemerdagangan Orang 2007 ('ATIP'). Walau bagaimanapun tiga yang lain telah dilepaskan dan dibebaskan. Perayu pertama dan perayu kedua didapati bersalah dan telah disabitkan. Perayu pertama dihukum penjara 8 tahun manakala perayu kedua dihukum dihukum penjara 6 tahun dan kedua-dua hukuman pemenjaraan diperintahkan bermula dari tarikh hukuman iaitu 28 Julai 2011. Perayu pertama dan perayu kedua merayu terhadap keseluruhan keputusan ini. Antara hujahan yang dikemukakan oleh perayu-perayu adalah (i) pertuduhan yang dikemukakan ke atas mereka adalah tidak bertepatan dengan prinsip undang-undang yang menyebabkan berlakunya 'miscarriage of justice'; (ii) perayu-perayu mempertikaikan dapatan fakta mengenai kredibiliti dan identiti oleh hakim bicara; dan (iii) hakim bicara telah gagal membuat pertimbangan terhadap keterangan pembelaan yang dibuat secara bersumpah oleh perayu-perayu.

E

F

G

Diputuskan, menolak rayuan perayu pertama dan kedua dan mengekalkan sabitan dan hukuman:

H

(1) Adalah memadai jika pertuduhan menyatakan nama spesifik kesalahan tersebut. Mahkamah mendapati pertuduhan di bawah ATIP yang dihadapkan ke atas perayu-perayu adalah jelas, terang dan mengandungi butiran yang memadai mematuhi kehendak Kanun Prosedur Jenayah. Pertuduhan juga adalah bukan pertuduhan yang rumit. Keterangan yang dikemukakan, terutamanya oleh mangsa yang memberikan deposisi di bawah s 54 ATIP sebelum bicara penuh telah menerangkan satu-persatu peranan perayu-perayu dan bentuk kesalahan/pengaduan yang harus dijawab oleh perayu-perayu. Notis yang jelas telah diberikan kepada tertuduh sejak awal lagi. Malah sejak tarikh deposisi lagi perayu/tertuduh

I

diwakili peguam yang berpengalaman. Oleh yang demikian ketidaktahuan unsur actus reus dan mes rea tidaklah sebenarnya menjadi isu. Justeru itu tiada perlanggaran ungkapan 'miscarriage of justice' (lihat perenggan 16).

(2) Hakim bicara telah menolak keterangan SP5 berkaitan OKT4 kerana ia tidak disahkan dan tiada keterangan sokongan. Tetapi, keterangan SP5 dalam membuat pengecaman terhadap identiti perayu-perayu disokong oleh keterangan mangsa dan tiada percanggahan material. Oleh itu mahkamah telah menerima keterangan SP5 dalam isu pengecaman kedua-dua perayu. Penerimaan mana-mana keterangan adalah terletak di atas hakim yang membicarakan kes dengan pertimbangan-pertimbangan mengenai kredibiliti dengan sewajarnya. Oleh yang demikian, penolakan keterangan SP5 bagi kes OKT4 dan penerimaannya terhadap kedua-dua perayu adalah dibenarkan oleh undang-undang lebih-lebih lagi apabila terdapat keterangan sokongan (lihat perenggan 22–26).

(3) Hakim bicara telah membuat penilaian yang teliti dan wajar dan telah memperingatkan diri tentang prinsip yang digariskan di dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 dalam membuat penilaian ke atas keterangan-keterangan. Dapatan beliau menolak keterangan bersumpah perayu-perayu atas prinsip 'bare denial' dan 'afterthought' dilakukan dengan kesedaran maksud prinsip itu dengan merujuk kepada autoriti berkaitan. Malah nas-nas yang berkaitan telah dirujuk sebagai panduan dalam membuat penilaian keterangan pendakwaan dan juga pembelaan. Oleh demikian persoalan yang dibangkitkan oleh perayu-perayu adalah tidak berasas dan wajar diketepikan (lihat perenggan 30–31).

(4) Teras pembelaan adalah perayu-perayu adalah bahawa mereka merupakan pelanggan atau bakal pelanggan kepada perkhidmatan seks yang diberikan oleh mangsa. Walau bagaimanapun, perayu-perayu tidak pernah mencadangkan bahawa mereka adalah pelanggan dan bukan orang yang menguruskan kegiatan mendapatkan pelanggan bagi mangsa. Mereka juga gagal memberikan penjelasan yang disokong dengan fakta mengapa mangsa ingin menganiaya mereka. Fakta-fakta untuk mematahkan urutan kes pendakwaan juga tidak dibentangkan. Oleh demikian mahkamah mendapati tidak ada hujahan yang mencukupi untuk mengetepikan keputusan hakim bicara dan dengan itu hukuman terhadap perayu-perayu adalah memadai dan tidak terlalu berlebihan (lihat perenggan 33–36).

[English summary

Initially, Choong Loke Kiang ('the first appellant') and Yeoh Teik Ment ('the second appellant') were charged and tried together with three other accused persons with an offence under s 14 of the Anti Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 ('the Act'). However the three others

were acquitted and discharged. The first and second appellants were found guilty and convicted. The first appellant was sentenced to eight years imprisonment whilst the second appellant was sentenced to six years imprisonment with both the sentences of imprisonment to take effect from the date of sentence ie 28 July 2011. The first and second appellants appealed against the whole of the decision. Among the argument put forward by the appellants were: (i) the charge against them was not in accordance with the principles of law thus causing miscarriage of justice; (ii) the appellant disputed the findings of fact on the credibility and identity by the trial judge; and (iii) the trial judge had failed to consider the testimony by the defence which was given on oath by the appellants.

Held, dismissing the appeal by the first and second appellants and affirming the conviction and sentence:

(1) It was sufficient if the charge stated the specific name of the offence. The court found that the charge under the Act which was preferred against the appellants were clear, unambiguous and contained sufficient detail in compliance with the requirement of the Criminal Procedure Code. The charge was also not a complicated charge. The evidence adduced, especially by the victim who had given deposition under s 54 of the Act before the full trial had explained one by one the role of the appellants and the form of offence/complaint which must be answered by the appellants. A clear notice had been given to the accused since early stage. In fact, since the date of the deposition the appellant/accused was represented by an experienced counsel. Thus, ignorance of the elements of actus reus and mens rea was not actually an issue.There was no breach of miscarriage of justice (see para 16).

(2) The trial judge had dismissed the evidence of SP5 with regards to the OKT4 as it was not confirmed and there was no corroborative evidence. However, SP5's evidence in identifying the identity of the appellants was corroborated by the evidence of the victim and there was no material contradiction. Therefore the court had accepted SP5's evidence in the issue of identification of both appellants. Acceptance of any evidence depended on the judge hearing the case upon considering the credibility appropriately. Therefore the rejection of SP5's evidence for the case of OKT4 and its acceptance against both appellants was allowed by the law especially so when there was corroboration (see paras 22–26).

(3) The trial judge had made careful and appropriate evaluation and had reminded himself of the principles enunciated in the case of *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 in evaluating the evidence. The Judge's findings rejection of the appellants' evidence on oath on the principles of bare denial and afterthought was made on the awareness of the meaning of the principles referring to the related authorities. Moreover the

relevant principles were referred as guide in the making the evaluation of the prosecution's and the defence evidence. Therefore the question raised by the appellants were baseless and ought to be set aside (see paras 30–31).

(4) The basis of the appellants' defence was that they were customers or would be customers to the sexual services given by the victim. However, the appellant had never suggested that they were the customers and not the persons running the activities of obtaining customers for the victim. They had also failed to give explanation that was supported by the facts as to why the victim wanted to frame them. The facts to rebut the sequence of the prosecution's case was also not adduced. The court therefore found that there was no sufficient argument to set aside the decision of the trial judge and therefore the sentence against the appellants were sufficient and was not excessive (see paras 33–36).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 3701.

Kes-kes yang dirujuk

Attan bin Abdul Gani v PP [1970] 2 MLJ 143 (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209, MP (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)
Mat v PP [1963] MLJ 263 (dirujuk)
Megat Halim Megat Omar v PP [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
Mohd Fauzi bin Ridzwan & Anor v PP [2006] 2 MLJ 15; [2006] 1 CLJ 478, MR (dirujuk)
PP v LKI Holidays Leisure Sdn Bhd [1998] 1 MLJ 315, MT (dirujuk)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)
PP v Nam Oithantip [2008] 5 CLJ 285, MT (dirujuk)
Sarwan Singh v State of Punjab AIR 1957 SC 637, SC (dirujuk)
Siti Rashidah bt Razali dan yang lain v Pendakwa Raya [2011] 6 MLJ 417; [2011] 6 AMR 173, MT (dibeza)
TN Nathan v PP [1978] 1 MLJ 134 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ss 14, 52, 54
Akta Dadah Berbahaya 1952 s 2
Akta Immigresen 1959/63
Kanun Acara Jenayah ss 152, 154, 156, 421, 422

M Athimulan (JJ Singh bersamanya) (JJ Singh & Associates) dan Ramesh Rajadurai (A Rajadurai & Associates) bagi pihak perayu.
Suhaimi bin Ibrahim (Ketua Unit Pendakwaan) bagi pihak responden.

Zamani A Rahim H:

[1] Pada awalnya Choong Loke Kiang ('perayu pertama') dan Yeoh Teik Meng ('perayu kedua') telah dituduh dan dibicarakan secara bersekali bersama-sama tiga orang tertuduh yang lain dengan kesalahan di bawah s 14 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ('ATIP'). Pertuduhan-pertuduhan adalah seperti berikut:

(a) Kes Tangkap 62–95 Tahun 2009 Pendakwa Raya v Choong Loke Kiang & Yang Wenna

> Bahawa kamu bersama-sama dengan beberapa orang lagi rakan sejenayah yang masih bebas, pada 26.6.2009 jam lebih kurang antara 1.00 petang hingga 8.00 malam di Bilik No. 1003, Hotel Pearl View, Jalan Baru, Perai, di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah memperdagang-kan seorang kanak-kanak bernama MISS NARIRAT PANYAJAN (No. Pasport: Y 657561) yang berumur 17 tahun, bagi maksud eksploitasi. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan dibaca bersama-sama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

(b) Kes Tangkap 62–101 Tahun 2009 Pendakwa Raya v Yeoh Teik Meng

> Bahawa kamu bersama-sama dengan dua orang yang telah dituduh dan beberapa orang lagi rakan sejenayah yang masih bebas, pada 26.6.2009 jam lebih kurang antara 1.00 petang hingga 8.00 malam di Bilik No. 1003, Hotel Pearl View, Jalan Baru, Perai, di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah memperdagangkan seorang kanak-kanak bernama MISS NARIRAT PANYAJAN (No. Pasport: Y 657561) yang berumur 17 tahun, bagi maksud eksploitasi. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta Anti-pemerdagangan Orang 2007 dan dibaca bersama-sama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

(c) Kes Tangkap 62–108 Tahun 2009 Pendakwa Raya v Lew Phaik Har

> Bahawa kamu bersama-sama dengan tiga orang yang telah dituduh dan beberapa orang lagi rakan sejenayah yang masih bebas, pada 26.6.2009 jam lebih kurang antara 1.00 petang hingga 8.00 malam di Bilik No. 1003, Hotel Pearl View, Jalan Baru, Perai, di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah memperdagangkan seorang kanak-kanak bernama MISS NARIRAT PANYAJAN (No. Pasport: Y 657561) yang berumur 17 tahun, bagi maksud eksploitasi. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta Anti-pemerdagangan Orang 2007 dan dibaca bersama-sama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

(d) Kes Tangkap 62–171 Tahun 2009 Pendakwa Raya v Ng Kua Jeng

> Bahawa kamu 25.6.2009 jam lebih kurang 3.30 pagi di tempat letak kereta belakang Hotel Regal Malaysia, Jalan Transfer, di dalam Daerah Timur Laut, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah memperdagangkan seorang kanak-kanak bernama MISS NARIRAT PANYAJAN (No. Pasport: Y 657561) yang berumur 17 tahun, bagi maksud eksploitasi. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Antipemerdagangan Orang 2007.

[2] Tertuduh Yang Wenna ('OKT3') dan Liew Phaik Har ('OKT4') telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri di akhir kes pendakwaan kerana pihak pendakwaan telah gagal mewujudkan satu kes prima facie terhadap mereka.

[3] Tertuduh Ng Kua Jeng ('OKT5') pula dilepaskan dan dibebaskan di akhir perbicaraan (kes pembelaan).

[4] Manakala perayu pertama didapati bersalah dan telah disabitkan dan dihukum penjara selama tempoh lapan tahun dan perayu kedua juga didapati bersalah dan telah disabitkan dan dihukum penjara enam tahun. Kedua-dua hukuman pemenjaraan ini diperintahkan bermula dari tarikh hukuman iaitu 28 Julai 2011.

[5] Alasan penghakiman hakim terpelajar mahkamah sesyen boleh dirujuk di ms 77–101 rekod rayuan perayu pertama dan ms 76–100 rekod rayuan perayu kedua. Perayu pertama dan perayu kedua telah merayu terhadap keseluruhan keputusan ini.

[6] Alasan-alasan rayuan kedua-kedua perayu adalah seperti mana yang terkandung di dalam petisyen-petisyen rayuan yang difailkan dan dapat dilihat di ms 3–6 rekod rayuan terhadap perayu pertama dan di ms 2–7 rekod rayuan terhadap perayu kedua.

[7] Bagi memudahkan pemahaman, saya bercadang membahagikan alasan penghakiman ini kepada tajuk-tajuk seperti berikut:

PERTUDUHAN

[8] Isu actus reus dan mens rea dibangkitkan oleh perayu bagi menunjukkan bahawa pertuduhan yang dikemukakan ke atas mereka adalah tidak bertepatan dengan prinsip undang-undang yang menyebabkan berlakunya 'miscarriage of justice'. Perayu berhujah bahawa pertuduhan telah tidak menyatakan bagaimana caranya perayu dikatakan memperdagangkan orang (*trafficking in*

person), sama ada secara 'recruiting', 'harbouring' dan sebagainya (actus reus), manakala tujuan eksploitasi juga tidak dinyatakan adakah untuk seksual, perhambaan dan bagaimana (mens rea). Kata perayu ini adalah *fatal* dan kecacatan ini sepatutnya mewajarkan mereka dilepaskan dan dibebaskan dari sabitan atau pertuduhan. Kes *Public Prosecutor v LKI Holidays Leisure Sdn Bhd* [1998] 1 MLJ 315 dirujuk.

[9] Perayu telah merujuk kepada kes *Siti Rashidah bt Razali dan yang lain v Pendakwa Raya* [2011] 6 MLJ 417; [2011] 6 AMR 173 yang melibatkan isu yang sama dibangkitkan selepas sabitan direkodkan setelah tertuduh membuat pengakuan salah. YA Hakim Mahkamah Tinggi di Kota Bharu yang mendengar rayuan tersebut telah bersetuju dengan hujah di atas dan menggantikan sabitan dari kesalahan di bawah ATIP kepada kesalahan di bawah Akta Imigresen.

[10] Setelah diteliti secara terperinci, kes *Siti Rashidah*, diputuskan sedemikian kerana kekurangan fakta. Fakta yang dikemukakan tidak mencukupi untuk membuktikan unsur-unsur kesalahan di bawah ATIP seperti perlakuan-perlakuan tertuduh. Fakta yang dikemukakan hanya menunjukkan tertuduh melindungi pendatang tanpa izin.

[11] Tetapi berbeza dengan kes di hadapan mahkamah ini, segala fakta telah dikemukakan semasa perbicaraan penuh bagi menunjukkan tingkah-laku dan perlakuan perayu pertama dan perayu kedua terhadap mangsa, Miss Narirat Panyajan. Bagaimana mangsa dibawa dari Thailand, diangkut ke Pearl View Hotel, diperdaya, dipaksa bekerja, dijaga, dikawal, diterima, dicari pelanggan, dipujuk dan sebagainya. Ini bukanlah sekadar melindungi pendatang tanpa izin.

[12] Sesungguhnya fakta dalam kes ini lebih sesuai dan tepat jika kita menggunakan panduan dari satu kes Mahkamah Tinggi Johor Bahru iaitu *Public Prosecutor v Nam Oithantip* [2008] 5 CLJ 285 di mana YA Mohd Zawawi Salleh, PK (pada ketika itu) telah memberikan gambaran apa yang perlu ditunjukkan bagi maksud pemerdagangan orang yang kebetulannya fakta kes *Nam Oitthantip*, adalah seakan-akan dengan kes ini.

[13] Bagi isu kekurangan butir-butir (*particulars*) di dalam pertuduhan seperti dihujahkan oleh perayu, ss 152 dan 154 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') wajar dirujuk. Seksyen-seksyen ini tidak memperuntukkan keperluan-keperluan itu. Memadai jika pertuduhan menyatakan nama spesifik kesalahan itu (s 152 KAJ).

[14] Manakala butiran pertuduhan seperti yang dinyatakan di dalam s 154 KAJ adalah lebih ke arah kes-kes yang rumit seperti kes-kes komersial.

[15] Di dalam isu merangka pertuduhan panduan boleh diambil dari kes-kes pengedaran dadah di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (*trafficking in drugs*) di mana cara atau bentuk pengedaran tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan. Sama juga bagi kes-kes jenayah lain seperti membunuh kerana ia tidak dianggap terlalu rumit atau teknikal sebagaimana kes-kes komersial. Peguam perayu menjawab perkataan 'trafficking' di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya, 1952 tidak mentakrifkan 'trafficking' tetapi menyatakan beberapa perbuatan yang merangkumi 'trafficking': *Mohd Fauzi bin Ridzwan & Anor v Public Prosecutor* [2006] 2 MLJ 15; [2006] 1 CLJ 478.

[16] Saya berpendapat pertuduhan di bawah ATIP yang dihadapkan ke atas perayu-perayu adalah jelas, terang dan mengandungi butiran yang memadai mematuhi kehendak Kanun Prosedur Jenayah. Pertuduhan juga adalah bukan pertuduhan yang rumit. Malah segala keterangan yang dikemukakan, terutamanya oleh mangsa yang memberikan deposisi di bawah s 54 ATIP sebelum bicara penuh telah menerangkan satu-persatu peranan perayu-perayu dan bentuk kesalahan/pengaduan yang harus dijawab oleh perayu-perayu. Notis yang jelas telah diberikan kepada tertuduh sejak awal lagi. Malah sejak tarikh deposisi lagi perayu/tertuduh diwakili peguam yang berpengalaman. Oleh yang demikian ketidaktahuan unsur actus reus dan mes rea tidaklah sebenarnya menjadi isu. Justeru itu tiada perlanggaran ungkapan 'miscarriage of justice'.

[17] Sekiranya terdapat ketinggalan itu, ianya tidak boleh dikatakan material dan telah mengelirukan perayu-perayu: sila lihat s 156 Kanun Acara Jenayah. Di samping itu ketinggalan dalam merangka pertuduhan, sabitan dan hukuman yang dijatuhkan adalah sah kerana tidak wujud 'miscarriage of justice': sila lihat s 421 Kanun Acara Jenayah. Akhirnya mahkamah boleh menggunakan budi bicara di bawah s 422 Kanun Acara Jenayah bagi memulihkan pertuduhan sedemikian.

IDENTITI PERAYU-PERAYU

[18] Boleh dikatakan hampir separuh cabaran yang difailkan dalam petisyen rayuan bagi kedua-dua rayuan ini adalah pertikaian terhadap dapatan-dapatan fakta yang mana fungsinya terletak di atas hakim yang menjalankan perbicaraan. Atas alasan bahawa hakim bicara berpeluang dan mempunyai kelebihan melihat dan mendengar saksi-saksi semasa memberi keterangan. Maka hakim di peringkat rayuan, seperti saya sekarang ini, hendaklah tidak sewenang-wenangnya mengusik dapatan-dapatan fakta ini melainkan wujudnya alasan yang kuat untuk mencampurinya.

[19] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209 di mana Ong Hock Thye, CJ Malaya (pada ketika itu) membuat perhatian begini:

> The learned trial judge, having heard the complainant's explanation, was satisfied that the later was still very much shaken by the alarming experience he had undergone when he made his report but that, despite his agitation he did mention some names to the police. This was a *finding of fact* that the report which was take down contained errors and omissions for which the constable alone was responsible. This view of the trial judge as to the *credibility of the witness* must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding

dan dalam kes Mahkamah Persekutuan *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 di mana YA Abdul Hamid FJ menyatakan:

> The principle of law governing appeals in criminal cases on *questions of fact* is well established, in that the Appeal Court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the *credibility* of such witness.

[20] Kedua-dua dapatan fakta iaitu kredibiliti dan identiti yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen telah dicabar oleh perayu-perayu atas faktor-faktor berikut:

(a) kredibiliti SP5 setelah ditolak oleh mahkamah semasa membuat keputusan melepaskan OKT4 (Lew Phaik Har/Jenny), tidak sewajarnya digunakan lagi bagi pembuktian kes terhadap kedua-dua perayu tertutamanya isu berkaitan merit;

(b) mahkamah sepatutnya menolak keterangan mangsa mengenai pengecaman identiti tertuduh kerana ia tidak disokong oleh keterangan, terutamanya keterangan CCTV dan foto; dan

(c) kegagalan membawa masuk keterangan kawad cam patut dikira sebagai faktor kegagalan pendakwaan membuktikan identiti tertuduh.

[21] Kes-kes *TN Nathan v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 134 dan *Sarwan Singh v State of Punjab* AIR 1957 SC 637 dirujuk oleh peguam perayu-perayu.

[22] Adalah diperhatikan bahawa dapatan fakta mengenai kredibiliti saksi adalah tertumpu sepenuhnya kepada keterangan SP 5, apabila dalam huraian keterangan terhadap Lew Phaik Har (OKT4) hakim mahkamah sesyen telah menolak keterangan SP5 mengenai pengecamannya terhadap Lew Phaik Har. Hakim mahkamah sesyen menyatakan; (ms 86 rekod rayuan).

> Berdasarkan keterangan PW5 di mahkamah, mahkamah berpendapat amat meragukan dan berbeza dengan rakaman deposisi mangsa. Mahkamah berpendapat bahwa PW5 adalah saksi yang tidak releven dan tidak boleh dipercayai

[23] Keputusan menolak keterangan SP5 adalah hanya tertakluk kepada bahagian yang merujuk kepada pengecaman OKT4. Keterangan yang ditolak oleh mahkamah adalah keterangan SP5 yang mengatakan bahawa beliau telah menerima panggilan telefon daripada OKT4 dan OKT4 telah memujuk beliau melanggan mangsa. Keterangan ini tidak diterima oleh mahkamah kerana ia tidak disahkan dan disokong dengan memperolehi maklumat daripada rekod panggilan telefon dan kegagalan pendakwaan mengemukakan laporan forensik berkaitan perkara yang sama juga telah membangkitkan 'adverse inference'. Justeru itu kenyataan SP5 ini tidak disokong dan atas sebab inilah ianya diketepikan oleh hakim mahkamah sesyen.

[24] Tetapi, perkara ini tidaklah sama bagi keterangan SP5 dalam membuat pengecaman terhadap identiti perayu pertama dan perayu kedua. Pengecaman yang dibuat terhadap mereka disokong oleh keterangan mangsa, Miss Narirat Panyajan. Segala keterangan fakta yang dinyatakan oleh mangsa dan SP5 tentang apa yang berlaku dalam pertemuan antara mangsa, SP5 dan kedua-dua perayu adalah saling menyokong dan tiada percanggahan-percanggahan material. Oleh itu mahkamah telah menerima keterangan SP5 dalam isu pengecaman kedua-dua perayu.

[25] Tambah pula, hal berkaitan kepercayaan atau penerimaan mana-mana keterangan termasuk yang hendak disisih atau yang hendak dipakai adalah terletak di atas hakim yang membicarakan kes dengan pertimbangan-pertimbangan mengenai kredibiliti dengan sewajarnya. YA Abdul Hamid FJ dalam kes *Lai Kim Hon & Ors*, turut menyatakan:

> Discrepancies will always be found in the evidence of a witness but what a judge has to determine is whether they are minor or material discrepancies. And which evidence is to be believed or disbelieved is against a matter to be determined by the trial judge based on the credibility of each witness. *In the final analysis it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject* …

[26] Oleh yang demikian, penolakan keterangan SP5 bagi kes OKT4 dan penerimaannya pula bagi kes terhadap kedua-dua perayu adalah dibenarkan oleh undang-undang. Apatah lagi penerimaannya adalah diputuskan dengan adanya sokongan (*corroboration*). Sokongan memadai dibuktikan dengan membawa keterangan-keterangan yang boleh memberikan gambaran bahawa apa yang diceritakan oleh mangsa itu adalah boleh berlaku. Ini dijelaskan oleh YA Sharma J dalam kes *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143 dengan membuat huraian, antaranya:

> It is not necessary that there should be independent confirmation of every material circumstance in the sense that the independent evidence in the case, apart from the testimony of the complainant or the accomplice, should in itself be sufficient to

sustain conviction. All that is required is that there must be some additional evidence rendering it probable that the story of the accomplice (or complainant) is true and that it is reasonably safe upon to act …

[27] Atas pengecaman identiti perayu-perayu yang telah diterima oleh mahkamah dan telah pun dihuraikan bahawa ia adalah bertepatan dengan prinsip undang-undang, maka kegagalan membuat pengecaman melalui CCTV atau foto ataupun kegagalan membawa masuk keterangan kawad cam tidak lagi menjadikan penting dan diperlukan. Sehubungan itu ia bukan sekadar tidak mampu melemahkan keterangan pengecaman yang telah dibuat oleh mangsa dan SP5, tetapi turut tidak membolehkan 'adverse inference' ditimbulkan.

[28] Jika ditolak keterangan SP5 mengenai pengecaman terhadap perayu-perayu sekalipun, masih ada keterangan dari mangsa, Miss Narirat Panyajan sendiri yang tidak tercemar dengan dakwaan seperti mana yang ditujukan kepada SP5.

PEMBELAAN PERAYU

[29] Perayu-perayu telah mempersoalkan bahawa hakim mahkamah sesyen telah gagal membuat pertimbangan terhadap keterangan pembelaan yang dibuat secara bersumpah oleh perayu-perayu. Kes *Arulpragasam* dirujukkan.

[30] Berlawanan dengan apa yang dipersoalkan oleh perayu-perayu, sebenarnya hakim mahkamah sesyen telah membuat penilaian yang teliti dan wajar seperti yang dapat dilihat dari ms 93–96 rekod rayuan. Mahkamah turut memperingatkan diri akan prinsip yang digariskan di dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 dalam membuat penilaian ke atas keterangan-keterangan. Dapatan beliau menolak keterangan ini atas prinsip 'bare denial' dan 'afterthought' juga dilakukan dengan kesedaran maksud prinsip itu dengan merujuk kepada autoriti yang berkaitan. Bukan sekadar itu, malah bagi keseluruhan masa dalam membuat penilaian sama ada keterangan pendakwaan mahupun pembelaan, nas-nas yang berkaitan telah dirujuk sebagai panduan.

[31] Oleh yang demikian persoalan yang dibangkitkan oleh perayu-perayu adalah tidak berasas dan wajar diketepikan.

PEMBELAAN 'BARE DENIAL' DAN 'AFTERTHOUGHT'

[32] Bahawasanya jika diamati, teras pembelaan adalah kedua-dua perayu adalah pelanggan atau bakal pelanggan kepada perkhidmatan seks yang

diberikan oleh mangsa. Namun perayu-perayu tidak pernah mencadangkan bahawa mereka adalah pelanggan dan bukan orang yang menguruskan kegiatan mendapatkan pelanggan bagi mangsa, Miss Narirat Panyajan. Mereka juga gagal memberikan penjelasan yang disokong dengan fakta mengapa mangsa ingin menganiaya mereka, jika benar mereka pelanggan dan bukannya pencari pelanggan yang setiap waktu berlegar seperti burung helang kelaparan bagi mempastikan mangsa memberi perkhidmatan seks. Fakta-fakta untuk mematahkan urutan kes pendakwaan tidak mereka bentangkan. Juga, jika perkara ini diajukan kepada mangsa, Miss Narirat Panyajan semasa mangsa memberi deposisi di bawah s 52 Akta Antipemerdagangan Orang 2007(pada ketika itu, kini Akta telah dipinda kepada Akta Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007) setidak-tidaknya mahkamah dapat membuat penilaian siapa yang bercakap benar.

[33] Kes-kes berikut adalah dirujukkan iaitu *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324 di mana YA Hakim Yusoff Mohamed menyatakan, antara:

> … A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient
>
> A magistrate is, of course, entitled to believe a witness at a trial but a general references to the demeanour of witnesses without more, gives rise to suspicion that an attempt is being made to bolster up a verdict which is contrary not only to the weight of the evidence but to the probabilities and which could not be supported on a detailed examination of the evidence.

[34] Manakala bagi pembelaan 'afterthought' dalam kes *Megat Halim Megat Omar v Public Prosecutor* [2009] 1 CLJ 154, YA Abdull Hamid Embong JCA menyatakan antaranya:

> … Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

KESIMPULAN

[35] Akhirnya adalah disimpulkan segala hujah yang dikemukakan oleh perayu-perayu adalah tidak mencukupi untuk diterima bagi mengenepikan dapatan dan keputusan hakim mahkamah sesyen: *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 1 CLJ 805. Manakala hukuman yang dijatuhkan adalah memadai dan tidak terlalu berlebihan (*excessive*), bertepatan dengan undang-undang dan prinsip hukuman dan memadai dengan perbuatan/tindakan yang dilakukan oleh perayu-perayu.

[36] Oleh yang demikian, sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen dikekalkan. Rayuan perayu pertama dan perayu kedua ditolak.

Rayuan perayu pertama dan kedua ditolak dan sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh Mashrifah Ravendran